

21 JUN 2001

Mahathir-PAS

UMNO CABAR PAS SEDIAKAN SECARA BERTULIS BENTUK KERAJAANNYA

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencabar PAS menyediakan secara bertulis jenis kerajaan yang hendak didirikannya untuk membuktikan ia tidak berhasrat menipu orang Cina sepertimana ia menipu bangsa Melayu.

Beliau berkata PAS harus terangkan secara jelas dan terperinci jenis kerajaan yang dianggap oleh PAS tidak kafir dan tidak sekular yang parti itu ingin jadikan sistem pemerintahan negara ini.

"Jika PAS tidak berhajat menipu orang Cina seperti PAS menipu orang Melayu, beritahu secara bertulis jenis kerajaan yang akan didirikan oleh PAS kepada sahabat karib PAS dalam DAP dan Suqoi," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Pemimpin PAS mendakwa parti itu tidak mahu tipu orang Cina tetapi mereka sanggup menipu orang Melayu dengan mendakwa antaranya masuk PAS masuk Islam, undi PAS masuk syurga, sembahyang imam Umno tidak sah dan sembelihan orang Umno haram.

"Sekarang beritahu apakah jenis kerajaan yang tidak mengikut sistem kerajaan Umno yang dikatakan kafir yang hendak didirikan oleh PAS," kata Perdana Menteri.

Beliau bertanya: "Apakah kerajaan itu demokratik jika segala-galanya mesti dirujuk kepada Dewan Ulama yang tidak dipilih oleh rakyat.

"Apakah PAS bercadang untuk melaksanakan hukum hudud ke atas orang bukan Islam? Apakah PAS akan menghapuskan Mahkamah Sivil dan hanya mengadakan Mahkamah Syariah sahaja untuk semua jenayah, termasuk kes liwat dan rogol?"

Dr Mahathir berkata PAS sudah menjanjikan tanah untuk ladang babi kepada orang Cina di Terengganu dan tanah simpanan Melayu di Kelantan untuk sekolah Cina.

"Sila beri maklumat berkenaan dengan dua janji ini. Kenapakah sementara orang Melayu dari negeri lain tidak boleh memiliki tanah di Kelantan, manakala orang Cina hendak diberi milik tanah?" katanya.

Beliau juga menghuraikan bagaimana PAS menipu orang Melayu dan bukan Melayu apabila sanggup tawar-menawar mengenai soal hak keistimewaan orang Melayu semata-mata untuk mendapatkan undi.

Dr Mahathir berkata PAS sanggup menggugurkan apa sahaja yang dianggap hak orang Melayu apabila berhadapan dengan orang bukan Melayu.

PAS pula menipu orang Melayu dengan meyakinkan bahawa pendirian pemimpin parti itu hanyalah tipu helah untuk mendapat sokongan bukan Melayu, katanya.

"Kononnya pemimpin mereka begitu kuat pegangan kepada agama Islam dan tidak mungkin membenarkan hak orang Melayu Islam tergadai.

"Apabila sudah berjaya maka pemimpin dan parti mereka akan teruskan agenda Islam mereka dan menipu orang bukan Islam. Oleh itu penyokong mereka akan teruskan sokongan mereka secara fanatik," katanya.

Perdana Menteri berkata: "Cuba hitung. Hari ini 72 daripada wakil rakyat Melayu adalah daripada parti kerajaan dan 32 daripada parti lawan. Jika hanya 21 kerusi lagi dimenangi oleh parti lawan, mereka akan dapat 53 dan Umno dapat 51.

"Untuk mendapat 21 kerusi lagi tidak susah. Dalam kawasan yang mana Umno menang sedikit sahaja, 200-300 undi daripada kaum lain akan memberi kemenangan kepada parti lawan. Oleh itu membelakangkan kepentingan Melayu

untuk mendapat sokongan bukan Melayu memang bijak.

"Tetapi untuk memerintah perlu ada sekurang-kurangnya 97 kerusi. Oleh itu jual-beli, tawar-menawar mesti diteruskan. Apakah yang hendak dijual jika tidak kepentingan Melayu?"

Dr Mahathir berkata kerajaan campuran PAS yang diimpikan itu tetap lemah kerana sesiapa sahaja parti gabungan boleh menjatuhkannya dengan menarik diri.

"Apakah kerajaan yang lemah seperti ini boleh memerintah dengan tegas? Apakah kerajaan seperti ini boleh melindungi orang Melayu yang masih lemah? Sama-samalah kita renungkan," katanya.

Beliau juga meminta PAS menyatakan dengan jelas ukuran yang dikehendaki sebelum Malaysia boleh diakui sebagai negara Islam.

"Apakah hanya setelah hukum hudud dilaksanakan baru pihak ini (PAS) akan menerima kerajaan ini bukan kerajaan kafir, bukan sekular.

"Jika PAS berhasrat mengadakan kerajaan Islam, apakah PAS mahu menolak parti DAP dan Keadilan yang bukan Islam dan bukan Melayu yang sekarang menjadi rakan politik PAS?" tanya Perdana Menteri.

Dr Mahathir mempersoalkan sekiranya Malaysia bukan negara Islam, berapa banyakkah negara yang 40 peratus penduduknya menganuti pelbagai agama lain, Islam dapat dijadikan agama rasmi.

Beliau berkata sedangkan dunia mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam dan banyak kerajaan negara Islam lain yang menganggap Malaysia sebagai contoh negara Islam yang terbaik untuk mereka.

Negara-negara Islam dan institusi-institusi Islam memberi pelbagai anugerah kepada Malaysia kerana kagum dengan kemajuannya dan kemajuan agama Islam di Malaysia.

Presiden Umno itu berkata lebih 100 negara Islam dan bukan Islam menghantar penuntut mereka ke Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia.

"Tetapi di Malaysia ada orang Islam yang mendakwa Malaysia bukan negara Islam dan pemerintahannya pemerintahan kafir dan sekular.

"Kita ingin tentukan yang mana satu dari negara yang dunia akui adalah negara Islam yang PAS terima sebagai Islam," katanya.

Beliau juga meminta PAS menunjukkan negara mana yang melaksanakan hukum hudud di zaman ini jika pelaksanaan hukum hudud menjadi kriteria untuk PAS akui sebagai negara Islam.

"Setakat yang kita dapat sahkan, tidak ada satu pun negara yang menguatkuasakan hukum hudud, iaitu daripada cara pembicaraan sehingga ke pelaksanaan hukuman.

"Ini bukan bermakna mereka menolak hukum agama tetapi kerana masyarakat sekarang berbeza dengan masyarakat Islam di zaman Nabi," katanya.

Dr Mahathir turut membidas PAS kerana mempengaruhi anak-anak Melayu kononnya ilmupengetahuan selain daripada ilmu agama adalah sekular dan tidak penting.

Katanya jika anak Melayu mempelajari ilmu-ilmu pengetahuan pun mereka tidak cemerlang kerana menghabiskan masa yang lebih kepada acara dan kegiatan agama tambahan seperti qiamulail dan kuliah subuh yang diwajibkan oleh orang yang anti ilmu.

Katanya jika pelajar-pelajar tidak menghadiri aktiviti itu mereka akan dicemuh sebagai kurang Islam.

"Yang lebih menyedihkan ialah yang diajar semasa kuliah-kuliah ini bukan ajaran Islam sebenar, yang sudah tentu akan memberangsangkan supaya menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh," katanya.

Beliau berkata sebaliknya yang disampaikan kepada penuntut ialah politik menentang kerajaan, dengan diselitkan pelbagai hadis dan firman yang ditafsir mengikut kepentingan politik PAS.

Katanya parti yang memesongkan anak-anak Melayu ini tidak kisah kegagalan anak bangsa sendiri dalam pelajaran asalkan parti dapat

memperalatkan mereka.

-- BERNAMA

JM ZS RON